

Hasil penyelidikan dua tahun guna kaedah sains, perubatan Islam UMP cipta kit antihisteria

Oleh MOHD. TURMADZI
MADUN
turmadzi.madun@kosmo.com.my

PUTRAJAYA – Universiti Malaysia Pahang (UMP) melangkah setapak lagi dalam bidang inovasi apabila mencipta kit antihisteria yang mampu menyembuhkan individu yang dirasul makhluk halus menggunakan kaedah sains dan perubatan Islam.

Pengarai Pusat Islam dan Pembangunan Insan UMP, Dr. Mahyuddin Ismail berkata, tiga penyelidik mengambil masa dua tahun untuk melakukan kajian dengan menjadikan 11 buah institusi pengajian dan jabatan kerajaan yang sering diserang histeria sebagai tempat untuk menguji keberkesanannya kit tersebut.

Katanya, antara bahan yang digunakan termasuk, asid formik, cecair lada

Sesi pembelajaran di SMK Bandar Baru Serting bertukar gempar 30 pelajar diserang histeria



KERATAN Kosmo! 25 Mac 2015

hitam, ubat sedut amonia, air rugyah, penyejipit jari kaki dan lain-lain.

"Kita juga bekerjasama dengan Pusat Rawatan Islam al-Manarah di Rawang, Selangor yang telah lebih 20 tahun menjalankan kegiatan merawat mangsa gangguan makhluk halus. Bahan yang digunakan lebih bersifat moden, mesra pengguna dan patuh syariah.

"Setiap set dijual pada harga RM8,750 termasuk bimbingan pengurusan risiko dan keselamatan serta khidmat rawatan

pakar sekiranya kes tidak selesai atau bantuan keemasan," katanya pada sidang akhbar selepas majlis pelancaran kit tersebut di Kementerian Pendidikan di sini semalam.

Hadir sama Pengarah Bahagian Education Malaysia, Raihanah Khudri yang mewakili Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail dan Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Menurut Mahyuddin, idea untuk membuat kit



SEORANG pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Lumpur, Kuantan, Pahang diserang histeria dalam kejadian yang berlaku pada 7 Ogos 2008.

antihisteria itu timbul selepas melihat banyak kes pelajar dirasuk hingga menyebabkan sesi pembelajaran terganggu dan sekolah terpaksa ditutup.

Tambahnya, jika tidak ditangani dengan serius,

masalah itu akan memberi kesan kepada aspek emosi, hubungan sosial, produktiviti, pencapaian akademik pesakit yang kadangkala turut melibatkan isu akidah dan syariah.

Dalam pada itu, Daing

Nasir berkata, UMP turut menimbaikkan kemungkinan untuk menubuhkan sebuah makmal perubatan Islam bagi tujuan pengembangan kajian ilmiah dan saintifik dalam bidang undang-undang sihir.